



# GARIS PANDUAN

SMART VIBRANT

**COMMUNITY**

GRANTS

MAJLIS BANDARAYA  
SUBANG JAYA



## **PANDUAN PERMOHONAN GERAN KOMUNITI (SUBANG JAYA SMART VIBRANT COMMUNITY GRANTS – (SJSVCG) ) BAGI TAHUN 2023**

### **1.0 TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan membantu pemohon mengemukakan permohonan bagi Geran Komuniti (Subang Jaya Smart Vibrant Community Grants). Panduan ini merangkumi perkara berikut: -

- a. Pengenalan geran
- b. Nama dan Bidang Berkaitan
- c. Kelayakan dan Kriteria permohonan
- d. Kriteria Penilaian
- e. Urus setia Geran Komuniti Untuk Subang Jaya Smart Vibrant Community Grants (SJSV-Community Grants).

### **2.0 PENGENALAN :**

Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) secara rasminya melancarkan Geran Komuniti Subang Jaya Smart Vibrant atau juga dikenali sebagai SJSV-Community Grants pada tahun 2023. MBSJ melalui Belanjawan Tahun 2023 telah memperuntukkan RM 3 juta di dalam bentuk peruntukan geran komuniti bagi mana-mana organisasi / NGO / persatuan penduduk / institusi pendidikan untuk memohon peruntukan bagi pelaksanaan projek, aktiviti atau inisiatif kemasyarakatan mengikut pilihan dan cadangan mereka yang akan membantu meningkatkan prestasi dalam bidang 6 kriteria utama Subang Jaya Smart Vibrant.

MBSJ turut menetapkan geran yang diberikan boleh berkonsepkan projek/inisiatif berbentuk CEPA (*communication, education and public awareness*), perkhidmatan, kajian dan penyelidikan serta jaringan (*networking*).



### 3.0 OBJEKTIF:

Objektif penyediaan geran adalah untuk menjemput organisasi di peringkat masyarakat untuk merancang dan melaksanakan projek/inisiatif yang akan membantu MBSJ meningkatkan prestasi dalam 6 kriteria Subang Jaya Smart Vibrant yang telah ditetapkan menerusi konsep penyertaan masyarakat, rakan sinergi dan inklusif ke arah Subang Jaya Bandar Mampan. Pelaksanaan elemen SDG 'Sustainable Development Goals' adalah perkara penting yang perlu dilibatkan di dalam pelaksanaan projek atau aktiviti melalui permohonan geran komuniti ini.



### 4.0 NAMA GERAN :

Geran Komuniti Subang Jaya Smart Vibrant juga dikenali sebagai **SJSV- Community Grants**.

### 5.0 BIDANG BERKAITAN (THEMATIC) : 6 CIRI BANDAR

Bidang berkaitan yang telah ditetapkan adalah seperti berikut: -





## 5.1 **BANDAR HIJAU**

### 5.1.1 Elemen

Pelaksanaan inisiatif yang membawa kepada kesan pengurangan karbon, penjagaan alam sekitar, kitar semula dan sebagainya. Inisiatif yang dilaksanakan boleh menjurus kepada pelbagai dimensi kemampanan seperti penjimatan sumber tenaga, penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui, eksplorasi teknologi hijau, pemeliharaan / pemuliharaan ekosistem, pengurusan sisa mesra alam, kawalan pencemaran, sisa makanan dan organik, sisa plastik dan pembungkusan, sisa binaan dan penggunaan sumber bahan bina, sisa elektronik isi rumah serta menyediakan platform sharing dan digital. Fokus termasuk program dan servis 3R, upcycling, EPR, CSR, pengasingan sisa, guna semula dan rekabentuk kitaran.

## 5.2 **BANDAR SELAMAT**

### 5.2.1 Elemen

Pelaksanaan inisiatif yang menyokong bagi menjadikan Bandaraya Subang Jaya yang bebas daripada semua ancaman fizikal, sosial, jenayah, bencana dan sebagainya. Inisiatif ini membolehkan orang awam sentiasa berasa selamat dengan persekitaran yang sentiasa terpelihara dan terhindar daripada kejadian ganggu-gugat kesejahteraan setempat.

## 5.3 **BANDAR PINTAR**

### 5.3.1 Elemen

Pelaksanaan inisiatif yang mengambil pendekatan bandar pintar; ini termasuklah inisiatif-inisiatif yang wujud hasil daripada peluang pendigitalan, tenaga & teknologi bersih, teknologi pengangkutan inovatif, memanfaatkan inovasi dalam teknologi, teknologi maklumat & komunikasi, keselamatan siber, rangkuman simulasi & realiti maya, teknologi awan (cloud computing), integrasi sistem, analisis data besar (big data), dll.

Matlamat inisiatif bandar pintar ini adalah mewujudkan capaian pintar yang merupakan gerbang kepada bibit-bibit awal kepada pengenalan dunia 'Internet of Things' serta era Revolusi Industri 4.0.



## 5.4 **BANDAR SEJAHTERA**

### 5.4.1 Elemen

Pelaksanaan inisiatif yang inklusif yang menyokong kepada usaha ke arah kemakmuran Bandaraya Subang Jaya. Inisiatif ini membantu dalam meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat yang berasaskan dimensi kemakmuran bersepadu pembangunan mampan; sosial, ekonomi dan alam sekitar. Menggunapakai prinsip 'tiada sesiapa pun yang akan ketinggalan', inisiatif yang termasuk dalam kategori ini termasuklah projek yang memberi fokus kepada perkara-perkara yang meningkatkan daya saing ekonomi bandar seperti pembasmian kemiskinan dan galakan keusahawanan golongan B40; mereka bentuk semula ruang fizikal (place making) untuk manfaat awam, rejuvenasi persekitaran penempatan/kediaman yang kondusif, promosi pelancongan, seni, & kepelbagaian warisan budaya, pengurangan jurang pluralisme antara masyarakat (wanita, kanak-kanak, warga tua, orang kurang upaya) dan lain-lain lagi.

## 5.5 **BANDAR SIHAT**

### 5.5.1 Elemen

Pelaksanaan inisiatif yang menyokong kepada kesihatan sosial. Dimensi kesihatan ini tidak terhad dan boleh melangkaui inisiatif yang menjurus kepada kesihatan fizikal, kesihatan mental, gaya hidup sihat harmoni alam sekitar, keseimbangan nutrisi, kesedaran pendidikan kesihatan, pencegahan pandemik dan lain-lain. Inisiatif ini akan membantu mewujudkan komuniti Bandaraya Subang Jaya yang sihat, bahagia, penyayang dan saling berinteraksi.

## 5.6 **BANDAR MAKMUR**

### 5.6.1 Elemen

Pelaksanaan inisiatif yang menyokong pembangunan sosio ekonomi, menterjemahkan prinsip kemakmuran komuniti dan 'leave no one behind' serta menjana pendapatan B40. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ini adalah tidak terhad dan dapat membantu pemerkasaan daya saing masyarakat melalui peningkatan taraf hidup (Kewangan, Ekonomi, Kesihatan Dan Pendidikan di sektor informal).



## 6.0 KRITERIA PERMOHONAN :

- 6.1.1 Hanya projek dalam bidang berkaitan (thematic) dengan tujuan membantu meningkatkan prestasi bandaraya Subang Jaya sahaja layak untuk bantuan geran. Projek mestilah mempromosikan dan mencapai objektif yang disasarkan samada di peringkat komuniti, institusi pendidikan ataupun Bandaraya MBSJ. Skop am meliputi pengurangan penggunaan sumber, masa dan tenaga serta impak negatif, penggunaan semula sumber samada dalam bentuk asal ataupun baru. Projek boleh di dalam bentuk tindakan mengurangkan (mitigation) ataupun mencegah (prevention), (adaptation) penggunaan sumber menerusi pendekatan aplikasi teknologi, rekabentuk circular dan perubahan gaya hidup dan amalan ke arah kemampanan.
- 6.1.2 Projek juga digalakkan meliputi aktiviti CEPA (communication, education and public awareness), servis, kajian, jaringan (networking) bagi pelaksanaan di tapak dan pemantauan kemajuan.
- 6.1.3 Hasil keluaran projek hendaklah aktiviti **BARU** samada melaksanakan inisiatif baru mahupun memperluaskan skop liputan aktiviti atau kawasan bagi inisiatif sediaada.
- 6.1.4 Permohonan bantuan geran **tidak akan** dipertimbangkan bagi projek sediaada ataupun bagi tujuan menampung keperluan kewangan bagi inisiatif sediaada ataupun semata-mata untuk **pembiayaan kos operasi projek sedia ada.**
- 6.1.5 Projek yang menunjukkan kemampuan berdaya-saing dan keboleh-kendirian selepas bantuan geran disalurkan akan diberikan pertimbangan utama.
- 6.1.6 **Bantuan geran adalah untuk tempoh 1 tahun sahaja.** Lanjutan tempoh program / projek adalah berdasarkan kepada cadangan dan juga keputusan MBSJ.
- 6.1.7 Bantuan geran boleh digunakan untuk tujuan perbelanjaan operasi ataupun modal bagi memulakan projek. Bantuan geran tidak semestinya meliputi 100% kewangan yang diperlukan dan bagi projek sedemikian, pemohon mempunyai tanggungjawab untuk mendapatkan sumbangan kewangan dari sumber lain.



- 6.1.8 Pertimbangan juga diberikan kepada projek yang memerlukan bantuan geran ini sebagai sebahagian daripada jumlah kewangan yang diperlukan manakala kewangan lain adalah ditampung oleh pihak ketiga. Dalam hal ini, pembahagian sumbangan kewangan dan perincian bantuan geran serta tanggungjawab semua pihak terlibat hendaklah diperjelaskan.
- 6.1.9 Bantuan geran adalah hanya untuk projek/inisiatif yang akan dijalankan di kawasan pentadbiran MBSJ saja. Pertimbangan akan diberikan bagi projek CEPA yang meliputi majoriti kawasan atau kumpulan sasaran daripada kawasan MBSJ ataupun tidak kurang daripada 80%, mana- mana satu lebih tinggi
- 6.1.10 Peruntukan geran komuniti yang boleh diberikan adalah minima RM 8,000 dan jumlah maksima adalah sebanyak RM 50,000 bagi satu-satu projek. Pihak MBSJ berhak meluluskan apa-apa amaun geran yang diberikan selain daripada yang dipohon berdasarkan kepada penilaian teknikal dan keperluan semasa. Keputusan kelulusan projek dan amaun yang diberikan adalah muktamad. Walaubagaimanapun, amaun lebih tinggi boleh dipertimbangkan sekiranya projek /inisiatif menunjukkan merit dan impak yang positif.
- 6.1.11 Pemohon yang berjaya dikehendaki menandatangani surat setuju terima dengan terma dan syarat yang ditetapkan. Surat yang dikembalikan akan menjadi sebahagian daripada perjanjian yang ditandatangani kelak. MBSJ berhak dan boleh mengambil tindakan perundangan sekiranya penerima geran tidak memenuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan di dalam perjanjian.
- 6.1.12 Pemohon bersetuju membenarkan MBSJ atau pihak diberikan kebenaran oleh MBSJ untuk menghebahkan, mempromosikan ataupun menerbitkan maklumat projek/inisiatif serta pencapaiannya di mana-mana platform atau medium komunikasi. Pemohon juga bersetuju berdamping ke depan untuk berkongsi pengalaman dan pencapaian projek/inisiatif dengan mana-mana pihak atas jemputan MBSJ. Hakcipta projek atau rekaan adalah menjadi milik tunggal MBSJ ataupun milik bersama jika dipersetujui oleh MBSJ dan penerima geran.
- 6.1.13 MBSJ berhak meminda sebarang syarat, peraturan, panduan dan borang pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan awal serta meminta maklumat tambahan ataupun meminta pemohon membuat persembahan projek dan hasil projek pada masa yang ditetapkan dengan pemakluman awal.



## 7.0 KRITERIA PENILAIAN

- 7.1.1 Keutamaan akan diberikan kepada projek yang berpotensi menghasilkan impak positif kepada kawasan kejiranan dan MBSJ dengan pematuhan kepada perkara berikut:-
- 7.1.1.1 Keboleh-capaian kejayaan yang ditetapkan.
  - 7.1.1.2 Mengurangkan risiko pencemaran ke atas alam sekitar dan bandaraya.
  - 7.1.1.3 Menjimatkan kos perbelanjaan Majlis dalam pengurusan dan pembangunan bandar.
  - 7.1.1.4 Mengurangkan penjanaan sisa pepejal dan impak pencemaran ataupun karbon dioksida ataupun kedua-duanya.
  - 7.1.1.5 Memperolehi impak positif dalam jangka masa panjang ke atas pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar.
- 7.1.2 Keutamaan akan diberikan kepada projek/inisiatif yang bertaraf perintis ataupun mempunyai kebolehan mencetuskan replikasi projek yang sama di tempat lain ataupun mampu meningkatkan skop bidang berkaitan.
- 7.1.3 Keutamaan juga diberikan kepada projek/inisiatif melibatkan rakan perkongsian dan penyertaan pihak berkepentingan atau pemegang taruh lain yang strategik.
- 7.1.4 Keutamaan juga diberikan kepada projek/inisiatif yang memudahcarakan pencapaian visi MBSJ menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terunggul bertaraf antarabangsa berteraskan bandaraya mampan yang bestari, kota niaga dan kediaman idaman.
- 7.1.5 Pemohon hendaklah menunjukkan keupayaan mematuhi perkara berikut :
- 7.1.5.1 Melaksanakan projek dengan jayanya.
  - 7.1.5.2 Cara mencapai objektif projek yang telah ditetapkan.
  - 7.1.5.3 Bagaimana projek/inisiatif boleh dipantau, dinilai dan dilaporkan secara berkesan.
  - 7.1.5.4 Bagaimana projek/inisiatif boleh digunakan untuk mempromosikan bidang berkaitan kepada masyarakat lain.
  - 7.1.5.5 Bagaimana projek/inisiatif boleh diteruskan walaupun bantuan geran telah digunakan sepenuhnya.
  - 7.1.5.6 Bagaimana projek/inisiatif boleh dipasarkan, jika melibatkan soal hakcipta terpelihara dalam hasil keluaran.





- 7.1.6 Semua permohonan geran komuniti akan melalui Jawatankuasa Penilaian yang terdiri daripada pegawai MBSJ termasuk penilai luar yang boleh dipanggil untuk memberikan penilaian berdasarkan kepakaran serta pengalaman mereka. Panel akan mengesyorkan projek yang menepati keperluan teknikal serta cadangan amaun kewangan projek kepada Pengurusan MBSJ untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 7.1.7 Setiap permohonan perlu disertai dengan Borang Permohonan Geran SJSVCG serta cadangan kertas kerja projek atau program yang ingin dilaksanakan. Borang permohonan geran SJSVCG boleh di dapati di laman sesawang MBSJ iaitu [www.mbsj.gov.my](http://www.mbsj.gov.my).

## 8.0 KETERANGAN LANJUT :

Sebarang keterangan lanjut dan serahan borang permohonan, sila hubungi :

URUS SETIA GERAN KOMUNITI MBSJ

JABATAN KORPORAT DAN PENGURUSAN STRATEGIK

PERSIARAN PERPADUAN, USJ 5

47610 SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

 : 03-8026 3131 Sambung 4038 / 4313 / 7400

 : [gerankomuniti@mbsj.gov.my](mailto:gerankomuniti@mbsj.gov.my)